

METODOLOGI PENTERJEMAHAN AL-QURAN OLEH N.J DAWOOD DALAM KARYA THE KORAN^{*)}

(Methodology of Quranic Translation by N.J Dawood in The Koran)

Mohd Zulfahmi bin Mohamad¹
Mohd Nizam Sahad²

ABSTRACT

Work on al-Quran's translation is not uncommon among Western orientalis. The work of the Quran's translation is dated back as early as 10th century ago. In addition to it, this work had been immensely dominated by Christian orientalis. Until the 18th century, the Jewish community has begun joining among other Western orientalis in the Quranic studies with its translation as one of their main focus. Thus, this paper aims to study a Quranic translation's work done by a Jewish orientalist named Nessim Joseph Dawood through his book entitled The Koran by outlining his cross references throughout his Quranic English translation. Furthermore, this research desires to give a deep analysis to original biblical sources of the translation as Nessim Joseph Dawood had claimed that the Quran is the Judeo-Christian influenced sacred book. Apart from that, Nessim Joseph Dawood is also known to have Muslim scholars in exegesis as his references of the translation. The method of the study of the research is Qualitative which relies on analytic and comparative study to reach the desired results. The result of the research finds that Nessim Joseph Dawood does refer to renowned scholars of Quranic Muslim. In addition to it, the research also points out that Nessim Joseph Dawood has biased tendency towards the Quran as he seem to have modified several verses according to his view of Islam. Besides, the research also finds that Nessim Joseph Dawood has given most of Qisas al-Qur'an and Israelites related matters from the Quran to biblical sources.

^{*)} This article was submitted on: 20/11/2020 and accepted for publication on: 12/06/2021.

¹ (PHD), Pensyarah di Jabatan Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak. E-mel : zulfahmi@usas.edu.my

² (Profesor Madya), Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. nizamsahad@usm.my

Keywords: *The Koran, Nessim Joseph Dawood, Translation of al-Quran, Jewish Orientalist*

ABSTRAK

Terjemahan al-Quran dalam kalangan sarjana Barat bukanlah sesuatu yang asing. Usaha penterjemahan al-Quran oleh orientalis Barat telah dilakukan sejak awal abad ke-10 Masihi lagi. Penterjemahan al-Quran oleh orientalis Barat kebanyakan didominasi oleh orientalis Kristian. Namun sejak abad ke-18 Masihi, kelompok orientalis Barat berketurunan Yahudi mula merencanakan pengkajian al-Quran menerusi pelbagai bidang antaranya ialah penterjemahan al-Quran. Kajian ini akan meninjau sebuah karya penterjemahan al-Quran berbahasa Inggeris yang dikarang oleh seorang orientalis berbangsa Yahudi bernama Nessim Joseph Dawood melalui karya berjudul *The Koran*. Justifikasi pemilihan karya terjemahan ini adalah kerana berikutan pengarang karya ini telah melakukan lebih daripada sepuluh kali penambahbaikan ke atas terjemahan al-Quran bermula daripada tahun 1956 hingga tahun 2014. Hal ini menjadikannya sebuah karya yang telah melalui proses penelitian mendalam oleh pengarangnya. Kajian ini dilakukan dengan melihat metodologi yang dilakukan beliau dalam karya ini. Kajian juga meninjau sumber asal daripada sumber biblikal memandangkan pengarang mendakwa bahawa al-Quran merupakan kitab suci yang dipengaruhi Yahudi dan Kristian. Selain dari itu, Nessim Joseph Dawood juga didapati ada menjadikan ulama tafsir muktabar sebagai sumber rujukan karya. Metodologi kajian ini adalah kualitatif di mana ia akan berpandukan kajian analisis dan perbandingan bagi mencapai keputusan yang diinginkan. Hasil kajian mendapati bahawa Nessim Joseph Dawood sememangnya menjadikan sumber ulama tafsir terkemuka sebagai rujukan karya. Di samping itu, kajian juga mendapat bahawa Nessim Joseph Dawood mempunyai kecenderungan berat sebelah di mana beliau dilihat sengaja mengolah maksud ayat-ayat al-Quran berdasarkan pandangannya terhadap Islam. Selain dari itu, kajian juga mendapati Nessim Joseph Dawood mendatangkan rujukan biblikal ke atas ayat-ayat yang berkaitan dengan Qisas al-Qur'an dan yang mempunyai kaitan dengan Bani Israel.

Kata Kunci: *The Koran, Nessim Joseph Dawood, Terjemahan al-Quran, Orientalis Yahudi.*

1.0 PENDAHULUAN

Penglibatan orientalis dalam pengajian Islam bukan sesuatu yang asing di kalangan umat Islam pada hari ini. Bahkan di kalangan semua ilmu-ilmu disiplin pengajian Islam, bidang al-Quran merupakan wacana pertama yang menarik perhatian orientalis.³ Buktinya terjemahan al-Quran lengkap pertama berjaya dihasilkan oleh seorang Orientalis bernama Robert of Ketton pada tahun 1148 Masihi.⁴ Setelah itu, terjemahan al-Quran telah dilakukan oleh seorang tokoh yang bernama Mark of Toledo (1193-1216 M) yang mana beliau juga telah dipergunakan oleh pihak gereja bagi menilai bentuk-bentuk ajaran dalam al-Quran.⁵ Karya berjudul *Liber Alchorani* ini dikatakan lebih baik dari sudut kualiti bahasanya jika hendak dibandingkan dengan karya Robert of Ketton pada sebelumnya.⁶ Hal ini menunjukkan bahawa usaha asal usul penterjemahan al-Quran yang dilakukan oleh orientalis generasi awal bermotifkan peseteruan agama.

Jika dilihat daripada sudut pandang sarjana Barat, sejarah orientalis ini mempunyai kaitan dengan pergolakan politik dan keagamaan di antara bangsa Arab dan orang-orang Eropah yang mewakili pemikiran Kristian. Sebelum berlaku perhubungan langsung di antara kedua-dua entiti ini, masyarakat Eropah melihat bangsa Arab sebagai bangsa yang tidak bertamadun dan liar sehingga mereka ini digelar sebagai *Saracen**. Daripada beberapa gambaran yang diberikan menunjukkan kebencian mereka terhadap bangsa Arab seperti yang dirakamkan dalam sebuah catatan Latin bahawa orang *Saracen* (bangsa Arab) sama seperti

³ James Kritzeck (1964) *Peter the Venerable and Islam*. New Jersey : Princeton University Press, hal. 32.

⁴ Maxime Rodinson (1974) *The Western Image and Western Studies of Islam*. t.p. hal. 23.

⁵ Thomas E. Burman (2007) (1994) *Religious Polemic and the Intellectual History of Mozarabs: C. 1050-1200*. Leiden: E.j Brill. hal. 17.

⁶ *Ibid.* hal. 123-127.

* *Saracen* merupakan gelaran orang Eropah yang merujuk kepada orang Arab sebelum kedatangan Islam. Asal usul nama *Saracen* mempunyai pelbagai pendapat antaranya John of Damascus menyatakan bahawa bangsa Arab mendakwa nama *Saracen* muncul sejajar dengan rintihan Hajar kepada malaikat tentang sikap Sarah ke atas beliau yang menyebabkan beliau dibuang di tengah-tengah padang pasir. Antara lainnya gelaran ini juga sebagai mengenangkan doa Sarah ke atas anak cucu Hajar yang kononya keturunan Hajar ini akan menjadi ganas. Walau apa pun perbahasannya, gelaran ini masih digunakan setelah kedatangan Islam dan menjadi suatu stigma di kalangan masyarakat Eropah. Rujuk: Coeli Fitzpatrick, Adam Hani Walker (2014) *Muhammad in History, Thought, Culture: An Encyclopedia of the Prophet of God*. California: ABC-LIO. Jil. 1. hal. 538.

sikap orang Parsi yang tidak jujur dan licik dalam perniagaan dan sering dikaitkan dengan keganasan.⁷

Permusuhan ini menjadi skala yang meluas pada era pemerintahan Khalifah ‘Umayyah di mana empayar Islam berjaya diluaskan sehingga ke benua Eropah atau secara tepat ketika penaklukan kota-kota Sepanyol yang bermula daripada tahun 711 Masihi.⁸ Perkembangan ini telah meningkatkan kebimbangan sarjana-sarjana Kristian terhadap pengaruh agama tersebut di Eropah.⁹ Jelas sekali kebimbangan ini berkisar dengan ancaman keagamaan berbanding soal yang lain.¹⁰ Namun malangnya pengetahuan pihak Barat tentang Islam tidak banyak sehingga mereka keliru dengan ajaran agama Islam yang dianuti oleh bangsa Arab tersebut. Maklumat mereka tentang Islam dan bangsa Arab banyak bergantung daripada sumber biblikal yang sememangnya mempunyai prejudis terhadap bangsa Arab.¹¹ Seperti contoh, seorang pendeta Kristian bernama Bede (672-735 M) dilaporkan menyatakan bahawa bangsa *Saracen* (Muslimin) merupakan penyembah dewa Venus berdasarkan tafsiran beliau terhadap sebuah petikan ayat dalam Perjanjian Baru.¹² Selain daripada sumber biblikal, menurut Minou Reeves terdapat beberapa sumber dirujuk mengenai Islam di kalangan masyarakat Barat pada peringkat awal ini seperti maklumat-maklumat daripada orang-orang Kristian sendiri termasuk para pahlawan yang terlibat dalam Perang Salib dan tokoh-tokoh agama Kristian yang sememangnya bersikap anti-Islam seperti John of Damascus.¹³ Walaupun beliau seorang yang berketurunan Arab beliau diketahui sering mengeluarkan kenyataan yang memusuhi Islam. Kenyataan-kenyataan beliau kemudiannya disebar ke benua Eropah.¹⁴

Hal ini menyebabkan ada di kalangan mereka yang mendakwa ajaran Islam mengamalkan sembahhan pagan yang meliputi dewa-dewa seperti dewa

⁷ Jan Retso (2003) *The Arabs in Antiquity: Their History from the Assyrians to the Umayyads*. New York: Routledge. hal. 511.

⁸ Hamid Naseem Rafiabadi (2003) *World Religions and Islam: A Critical Study*. New Delhi: Sarup & Sons. Jil. 2. hal. 154.

⁹ *Ibid.* hal. 154.

¹⁰ *Ibid.* hal. 155.

¹¹ Meredith Cohen (2010) *Difference and Identity in Francia and Medieval France*. Surrey: Ashgate. hal. 26.

¹² John V. Tolan (2002) *Saracens: Islam in Medieval European Imagination*. New York: Columbia University Press. hal. 73.

¹³ Minou Reeves, P.J Steward (2003) *Muhammad in Europe: A Thousand Years of Western Myth-Making*. New York: New York University Press. hal. 84.

¹⁴ *Ibid.*

Apollo, Tervagant selain Nabi Muhammad s.a.w sendiri.¹⁵ Hal ini disampaikan melalui bait-bait puisi klasik Perancis antaranya *Chanson De Geste* yang menggambarkan bahawa agama Islam melalui Rasulullah s.a.w suatu bentuk ajaran palsu selain Rasulullah s.a.w sendiri seorang ahli sihir dan pendusta.¹⁶ Faktor ini berlaku kerana masyarakat Eropah masih samar tentang agama Islam dan keliru tentang konsep ajaran Islam itu sendiri yang kononnya asas ajaran Islam itu adalah saduran kepercayaan Greek dan Rom.¹⁷

Menurut Maxime Rodinson, pandangan Barat ke atas Muslimin berubah setelah beberapa tokoh Barat berjaya menawan semula beberapa buah kota seperti kota Jerusalem, Toledo dan Sicily daripada tangan Muslimin. Melalui pengalaman berhadapan dengan Muslimin telah menyebabkan pengetahuan mereka kepada Islam berubah daripada sangkaan awal yang menyatakan aspek kepercayaan dan sembahkan Muslimin.¹⁸

Selain dari itu, hubungan ini dari satu sudut telah mencapai hubungan peribadi di antara Muslimin dan pihak Barat. Misalnya dalam suatu catatan menunjukkan seorang putera Raja Perancis yang bernama Charlemagne (768-814 M) telah melarikan diri dari istana ekoran pergolakan keluarga ke kerajaan Islam Toledo.¹⁹ Charlemagne digambarkan seorang yang boleh bertutur dalam *Saracen* (bahasa Arab) dan bertukar-tukar maklumat mengenai agama Islam.²⁰ Namun demikian, beliau telah melarikan diri bersama-sama puteri Raja itu setelah beliau membunuh salah seorang saudara puteri tersebut ekoran menghalang percintaan mereka.²¹ Charlemagne mengahwini gadis tersebut setelah berjaya memurtadkannya.²² Beliau juga diketahui peranannya dalam beberapa siri peperangan menentang empayar Muslimin di Sepanyol.²³

¹⁵ Suzanne Conklin Akbari (2009) *Idols in the East: European Representation of Islam and the Orient 1100-1450*. New York: Cornell University Press. hal. 200.

¹⁶ *Ibid.* hal. 203.

¹⁷ *Ibid.* hal. 203.

¹⁸ Maxime Rodinson (1974) *The Legacy of Islam. The Western Image and Western Studies of Islam*. ed. Joseph Schacht, Clifford Edmund Bosworth. Oxford: Oxford University Press. hal. 12.

¹⁹ William W. Kibler, Grover A. Aznin, Lawrence Earp, John B. Henneman (ed.) (1995) *Medieval France: An Encyclopedia*. New York & London: Garland Publishing., hal. 965.

²⁰ Lynn Tarte Ramey (2001) *Christian, Saracen and Genre Medieval French Literature*. New York: Routledge., hal. 61.

²¹ *Ibid.*, hal. 62.

²² William W. Kibler, Grover A. Aznin, Lawrence Earp, John B. Henneman (ed.) (1995) *Medieval France: An Encyclopedia*. New York & London: Garland Publishing., hal. 965.

²³ Nancy Bisaha (2004) *Creating East and West: Renaissance Humanist and the Ottoman Turk*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press., hal. 33.

Oleh hal yang demikian, kajian yang ingin diketengahkan di sini ialah mengenai sebuah karya penterjemahan al-Quran berbahasa Inggeris yang dikarang oleh seorang orientalis berketurunan Yahudi yang bernama Nessim Joseph Dawood atau nama singkatannya N.J. Dawood.

2.0 LATAR BELAKANG N.J. DAWOOD

N.J. Dawood dilahirkan pada 27 Ogos 1927 Masihi di Baghdad, Iraq.²⁴ N.J. Dawood merupakan anak keenam daripada tujuh adik beradik. Ayah beliau merupakan seorang pedagang yang pernah berkhidmat dalam angkatan tentera di bawah Empayar ‘Uthmaniyyah.²⁵

Menurut adik N.J. Dawood bernama Yakov Yehuda yang kini menetap di Israel, ayah mereka yang bernama Yosef merupakan seorang pegawai kerajaan pada zaman pemerintahan Empayar ‘Uthmaniyyah sebelum beralih ke dunia perniagaan.²⁶ Beliau juga digambarkan oleh Yakov sebagai seorang yang sangat berpegang dengan ajaran Yahudi di mana beliau mempunyai peranan keagamaan di sebuah Sinagog di Iraq yang kekal hingga saat ini.²⁷

Pada usia tujuh belas tahun, beliau telah dianugerahkan biasiswa tajaan kerajaan Iraq untuk beliau menyambung pengajiannya di Britain iaitu pada tahun 1944 Masihi.²⁸ Menurut Marion Fischell N.J Dawood merantau keluar daripada Iraq pada 15 Ogos 1945.²⁹ Di sana beliau menyambung pengajiannya di Universiti London dalam bidang kesusasteraan Arab dan Inggeris. Suasana Perang Dunia Kedua ketika itu menyebabkan kampus beliau terpaksa dipindahkan ke Exeter berikutan pengeboman oleh pihak Nazi ke atas London.³⁰

Berbanding dengan adik beradik N.J. Dawood yang lain, beliau tidak berhijrah ke Israel setelah penubuhan negara Israel, sebaliknya beliau terus

²⁴The Telegraph, “N.J Dawood: Obituary”, <https://www.telegraph.co.uk/news/obituaries/11287854/NJ-Dawood-obituary.html>. 25 Jun 2019.

²⁵ *Ibid.*

²⁶ Marion Fischell-The Jerusalem Post, <https://www.jpost.com/International/The-Jewish-master-of-Arabic-388614>. 25 Jun 2019.

²⁷ *Ibid.*

²⁸ *Ibid.*

²⁹ *Ibid.*

³⁰The Telegraph, “N.J Dawood: Obituary”, <https://www.telegraph.co.uk/news/obituaries/11287854/NJ-Dawood-obituary.html>. 25 Jun 2019.

menetap di Britain selepas kerajaan Iraq menjalankan penyiksaan ke atas komuniti Yahudi di sana.³¹

Melihat kepada latar belakang kekeluargaan N.J. Dawood, jelas di sini bahawa keluarga N.J. Dawood mempunyai pertalian erat dengan negara Israel. Hal ini juga boleh dilihat apabila salah seorang abang N.J. Dawood iaitu Heskell menjawat jawatan sebagai Pegawai Atase Ekonomi di Kedutaan Amerika Syarikat di Israel selain adiknya Yakov pernah terlibat dengan tentera Israel.³²

Titik permulaan karier N.J. Dawood sebagai seorang penterjemah bermula setelah beliau bertemu dengan seorang wartawan Iraq yang juga seorang pemilik syarikat Akhbar Iraq, *al-Ahli* bernama Kamil Chadirji.³³ Persahabatan ini telah membawa N.J. Dawood dalam dunia penterjemahan apabila Chadirji meminta bantuan N.J. Dawood untuk menterjemahkan artikel-artikel syarikat daripada bahasa Inggeris.³⁴ Persahabatan mereka bertaut erat sehingga Chadirji telah bertindak menjadi penjamin biasiswa N.J. Dawood ketika beliau mendapat tawaran menyambung pengajiannya di Britain. Oleh kerana itu jasa Chadirji sentiasa dikenang oleh N.J. Dawood walaupun setelah beliau menetap di Britain. Hal ini dapat dilihat di mana beliau memberikan sanjungannya kepada sahabat karibnya itu dalam sebuah catatan di majalah *The Times*. Anak lelaki Kamil Chadirji iaitu Rifat Chadirji juga merupakan rakan baik N.J. Dawood yang masih hidup dan menetap di United Kingdoms.³⁵

Setelah menamatkan pengajiannya, N.J. Dawood memulakan kariernya sebagai seorang guru bahasa Inggeris di sebuah sekolah di selatan London. Setelah itu beliau menjadi wartawan di sebuah majalah terbitan komuniti Yahudi iaitu *The Jewish Chronicle*.³⁶

Pada tahun 1949 Masihi N.J. Dawood berkahwin dengan Juliet Abraham dan dikurniakan tiga orang anak. Anak sulung bernama Richard Dawood kini membuka sebuah klinik kesihatan di London. Manakala yang kedua bernama Norman Dawood mewarisi bakat N.J. Dawood apabila beliau

³¹ Temubual melalui aplikasi Facebook bersama rakan N.J. Dawood iaitu Emile Cohen pada 19 Jun 2017.

³² *Ibid.*

³³ Marion Fischell-The Jerusalem Post, <https://www.jpost.com/International/The-Jewish-master-of-Arabic-388614>, 25 Jun 2019.

³⁴ *Ibid.*

³⁵ Temubual melalui aplikasi Facebook bersama rakan N.J. Dawood iaitu Emile Cohen pada 19 Jun 2017.

³⁶ Marion Fischell-The Jerusalem Post, <https://www.jpost.com/International/The-Jewish-master-of-Arabic-388614>, 25 Jun 2019.

turut membuka perniagaan berasaskan penterjemahan. Anak yang ketiga ialah Andrew Dawood seorang doktor gigi di London.³⁷

N.J Dawood menghembuskan nafas terakhirnya pada tanggal 20 November 2014 dengan meninggalkan balu Juliet Abraham dan tiga orang anak lelaki dan sembilan orang cucu.³⁸

2.1 Karya-Karya Tulisan Nessim Joseph Dawood

A. The Thousand and One Night (Hikayat Seribu Satu Malam)³⁹

N.J Dawood memulakan kegiatan penterjemahan buat pertama kali apabila beliau berjaya menterjemahkan Hikayat Seribu Satu Malam (*The Thousand and One Night*) yang diterbitkan pada tahun 1954 Masihi oleh Syarikat Penerbitan *Penguin Books*.⁴⁰ Karya beliau ini telah diulang cetak oleh syarikat yang sama sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1955 dan tahun 1961 Masihi.⁴¹ Pada tahun 1957 Masihi, N.J Dawood memberikan penjenamaan semula kepada karya hikayat tersebut dengan menampilkan kisah epik Aladdin di bawah judul *Aladdin and other Tales*.⁴² Minat beliau terhadap hikayat ini tidak terhenti di situ, sebaliknya pada tahun 1973 beliau sekali menampilkan edisi yang telah disunting

³⁷ *Ibid.*

³⁸ The Telegraph “N.J Dawood: Obituary”, <http://www.telegraph.co.uk/news/obituaries/11287854/NJ-Dawood-obituary.html>. 25 Jun 2019.

³⁹ Hikayat Seribu Satu Malam merujuk kepada koleksi kisah-kisah rakyat gabungan pengaruh Arab, India dan Parsi dan dipercayai dikumpulkan sekitar ke sembilan Masihi. Dikatakan hikayat ini muncul ketika seorang raja yang bernama Shahriar yang bersumpah untuk membunuh wanita kerana dendamnya atas kecurangan isterinya suatu ketika dahulu. Walaubagaimana pun, pembunuhan ini terhenti setelah raja tersebut berkahwin dengan seorang wanita yang bernama Shahrazad. Wanita tersebut berjaya menangguhkan hukuman mati ke atasnya apabila beliau menyajikan kisah-kisah yang tergantung setiap malam. Kisah-kisah yang tergantung itu diceritakan sambungan tersebut kemudiannya pada malam keesokkan hari sehingga sampai malam ke seribu satu malam. Hal ini menjadikan beliau berjaya mengelakkan dirinya daripada dibunuh oleh raja yang kejam itu. Kisah-kisah yang wujud dalam koleksi ini antara seperti Sinbad dan pengembaraannya, Aladin dan Lampu Ajaib, Aladin dan empat puluh orang-orang penyamun dan sebagainya. Rujuk : Graham Seal (2001) *Encyclopedia of Folk Heroes*. California: ABC Clio Pub. hal. 11-12.

³⁹ *Ibid.* hal. 10.

⁴⁰ *Ibid.* hal. 10.

⁴¹ *Ibid.* hal. 10.

⁴² N.J Dawood (1954) *Aladdin and other Tales*. London: Penguin Book. hal. 5.

semula dan diedit dengan gambar-gambar ilustrasi di bawah judul *The Tales from the Thousand and One Night* yang diterbitkan di bawah syarikat yang sama.⁴³

B. Muqaddimah: An Introduction to History

Karya ini merupakan sebuah karya yang dikarang oleh seorang tokoh falsafah Islam terkenal iaitu Ibn Khaldun (1332-1406 M). Karya ini merupakan buah tangan terulung yang dihasilkan oleh Ibn Khaldun bermula daripada tahun 1377 Masihi.⁴⁴ Karya ini mengandungi perbincangan mencakupi sejarah sosiologi manusia, sejarah Islam, ilmu ketamadunan, sistem kenegaraan, keadilan, astronomi, perubatan, fisik dan sains.⁴⁵

Tulisan ini menarik minat orientalis dan telah diterjemah ke bahasa Inggeris pada tahun 1958 Masihi oleh Franz Rosenthal daripada Universiti Princeton, Amerika Syarikat.⁴⁶ Beliau telah menghasilkan tiga jilid terjemahan *The Muqaddimah* yang diterbitkan oleh penerbit Universiti Princeton (*Princeton University Press*) pada tahun 1958 Masihi dan telah diulang cetak pada tahun 1967 dan tahun 1980.⁴⁷

N.J Dawood mengambil inisiatif bagi menghasilkan ringkasan terjemahan Franz Rosenthal dalam satu jilid karya di bawah judul *Muqaddimah: An Introduction to History* pada tahun 1969 yang diterbitkan oleh *Princeton University Press*.⁴⁸ Karya ini merupakan tulisan beliau yang terakhir selepas menamatkan karya *The Koran* dan Hikayat Seribu Satu Malam. Menurut Bernard Lewis, karya *Muqaddimah: An Introduction to History* merupakan jawapan terbaik untuk memahami isi kandungan tulisan dan idea Ibn Khaldun memandangkan ianya dalam bentuk yang ringkas dan mudah difahami.⁴⁹

3.0 PENGENALAN KARYA THE KORAN

Ketokohan N.J Dawood dalam penterjemahan al-Quran yang menjadikan beliau terkenal. Sesuai untuk diperkatakan bahawa bidang pengkajian al-Quran merupakan ketokohan N.J Dawood dalam hidupnya.

⁴³ N.J Dawood (1973) *The Tales from the Thousand and One*. London: Penguin Book. hal. iii.

⁴⁴ Franz Rosenthal (1958) *The Muqaddimah*. Princeton: Princeton University Press. hal. iv.

⁴⁵ *Ibid.* hal. iv.

⁴⁶ *Ibid.* hal. iv.

⁴⁷ *Ibid.* hal. v.

⁴⁸ Franz Rosenthal (1969) *Muqaddimah: An Introduction to History*. (eds.) N.J. Dawood. Princeton: Princeton University Press. hal. ii.

⁴⁹ Bernard Lewis (2011) *Islam in History: Ideas, People and Event in Middle East*. Illinois: Open Court. hal. 47-48.

Penglibatan N.J. Dawood dalam penterjemahan al-Quran ketika beliau bertemu dengan E.V. Rieu dan pengasas syarikat Penguin Classic iaitu Sir Allen Lane bagi berbincang kemungkinan untuk beliau menterjemahkan al-Quran secara lengkap.⁵⁰ Idea N.J. Dawood pada awalnya ditolak namun akhirnya telah diterima setelah beliau berjaya meyakinkan kedua-dua mereka bahawa penterjemahan yang akan dilaksanakan itu merupakan pendekatan penterjemahan yang menekankan bentuk ungkapan simpulan bahasa serta mengekalkan ciri-ciri asal ayat-ayat al-Quran tersebut. Pendekatan terjemahan al-Quran melalui simpulan bahasa merupakan sesuatu yang baharu dan telah menarik perhatian pihak syarikat.⁵¹ Hal ini dapat dikenal pasti melalui beberapa terjemahan beliau yang kelihatan berbeza dengan orientalis yang lain seperti berikut:

اللَّهُ نُورُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ مِثْلُ نُورِهِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ ۚ الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ ۚ
الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ الخ ﴿٣٥﴾

Terjemahan: “Allah yang menerangi langit dan bumi. Bandingan nur hidayah petunjuk Allah (al-Quran) adalah sebagai sebuah “misykat” yang berisi sebuah lampu; lampu itu dalam tembikar kaca, tembikar kaca itu pula (jernih terang) laksana bintang yang bersinar cemerlang”...

(Surah al-Nur: 35)

Versi N.J Dawood : “God is the light of the heavens and the earth. His light may be compared to a niche that enshrines a lamp, ***the lamp within a crystal of star-like brilliance***”⁵²

Perhatikan kaedah pengarang dalam menterjemahkan ungkapan (الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ) dengan ungkapan *star-like brilliance* tersebut yang dilihat bersahaja dan berbeza dengan terjemahan klasik orientalis.

Hasil kesungguhan beliau menterjemahkan al-Quran itu menampakkan kejayaan apabila karyanya ini telah diulang cetak sebanyak tujuh puluh kali sejak daripada tahun 1956 Masihi. Sepanjang tahun tersebut sehingga tahun 2014 Masihi, N.J Dawood telah melakukan sembilan kali semakan semula ke atas karyanya itu.

⁵⁰ Marion Fischell-The Jerusalem Post <https://www.jpost.com/International/The-Jewish-master-of-Arabic-388614>. 25 Jun 2019.

⁵¹ *Ibid.*

⁵² N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books., hal. 237.

Menurut salah seorang anak N.J Dawood, Richard, bahawa ayahnya itu menumpahkan sepenuh perhatian ke atas terjemahan al-Quran sejak dari usia dua puluh tahun lagi dan hal ini berterusan sehingga ke akhir hayat beliau iaitu pada usia lapan puluh enam tahun.⁵³ Richard menyifatkan ayahnya melakukan perkara tersebut atas rasa minat yang mendalam dalam dunia penterjemahan. Faktor yang menyebabkan karya *The Koran* disemak semula secara berterusan ialah kerana perasaan N.J Dawood untuk menilai sesuatu yang baharu dan menjadikan karyanya itu sesempurna yang mungkin.⁵⁴ Selain dari itu, N.J Dawood terkesan dengan idea E.V Rieu bahawa sesuatu terjemahan itu perlu mengikut ruh asal bahasa tersebut disamping mempunyai nilai tambah daripada aspek kesusasteraan.⁵⁵

Richard juga menyifatkan N.J Dawood sebagai seorang yang bersikap toleransi dalam beragama dan beliau sentiasa mengingatkan keharmonian yang terjalin di antara komuniti Yahudi dan umat Islam di bumi Iraq sejak berabad lalu.⁵⁶ Walaupun N.J Dawood bangga dilahirkan sebagai seorang berbangsa Yahudi, namun beliau dilihat berhati-hati dalam mendedahkan identiti sebenar agama dan bangsanya itu.⁵⁷ Kebimbangan ini ada asasnya di mana setelah nama N.J Dawood mula diperkatakan khalayak dan identiti sebenarnya terdedah karya *The Koran* mula menerima kritikan yang meluas daripada beberapa pihak.⁵⁸ Misalnya, menurut Ziauddin Sardar menyatakan bahawa karya "*The Koran*" menjadi antara rujukan utama bagi pihak yang kurang senang dan sentiasa mencari peluang untuk melemparkan tuduhan serta hasutan seperti ekstrim, ganas, tidak bertoleransi dan seumpamanya.⁵⁹

Karya *The Koran* mendapat pujian ramai di negara Barat ini termasuk Duta Israel ke Britain Moshe Raviv (1993-1998). Beliau menyifatkan karya ini sebagai amat berguna untuk dunia Barat.⁶⁰ Manakala Philips Howard seorang editor majalah *The Times* menyatakan bahawa karya ini mampu membongkar getaran dan keteguhan al-Quran disamping nilai-nilai kesusasteraan di kitab

⁵³ Marion Fischell-The Jerusalem Post <https://www.jpost.com/International/The-Jewish-master-of-Arabic-388614>. 25 Jun 2019.

⁵⁴ *Ibid.*

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ *Ibid.*

⁵⁸ *Ibid.*

⁵⁹ Ziauddin Sardar (2011) *Reading the Quran The Contemporary Relevance of the Sacred Text of Islam*. New York: Oxford University Press., hal. 43.

⁶⁰ *Ibid.* hal. 43.

tersebut.⁶¹ Beliau menambah bahawa kebanyakan karya terjemahan bahasa Inggeris sebelum N.J Dawood merupakan lambakan bahasa yang sukar difahami bersifat kaku. Sebaliknya bahasa dan pendekatan yang digunakan N.J Dawood mempunyai penampilan yang tersendiri.⁶²

Setelah usaha penterjemahan berjaya dilakukan, N.J Dawood ingin meneruskan pengajian beliau ke peringkat kedoktoran di sebuah universiti di London namun terpaksa dilupakan berikutan kemampuan kewangan yang terhad oleh beliau.⁶³

Karya *The Koran* buat pertama kali diterbitkan pada tahun 1956. Ianya telah diulang terbit beberapa kali sehingga yang terakhir sebelum kematian N.J Dawood pada tahun 2014. Menurut seorang kolumnis *The Jerusalem Post*, Marion Fischell karya ini telah diulangcetak sebanyak tujuh puluh kali sejak pertama ia diterbitkan di London oleh Penguin Books.⁶⁴ Menurut beliau lagi, hal ini merupakan hasil penelitian sepanjang hayat N.J Dawood⁶⁵ sehingga kematiannya di mana sepanjang tempoh tersebut terdapat lapan semakan semula yang besar dilaksanakan N.J Dawood.⁶⁶ Manakala empat semakan kecil turut dilakukan oleh beliau.⁶⁷

Selain dari itu, N.J Dawood juga menjelaskan bahawa sejak dari mula-mula karya ini diterbitkan beliau telah melaksanakan beberapa semakan semula demi memastikan semua kandungan terjemahan yang dilakukan sentiasa bersesuaian dengan kehendak masyarakat moden.⁶⁸ Misalnya, beliau tidak menggunakan istilah dan ungkapan bahasa Inggeris klasik (*archaic English*) seperti *thou, ye, thee* dan seumpamanya. Misalnya dapat dilihat melalui terjemahan ayat berikut:

نَزَّلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنْزَلَ التَّوْرَةَ وَالْإِنْجِيلَ ﴿٣﴾

Terjemahan: “*Ia menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab Suci (Al-Quran) dengan mengandungi kebenaran, yang mengesahkan isi Kitab-kitab Suci*

⁶¹Dawood, Richard, Stradder, James, <http://www.bookbrunch.co.uk/page/free-article/n-j-dawood-arabic-scholar-and-translator-of-the-most-widely-read-koran>. 30 Julai 2019.

⁶² *Ibid.*

⁶³Marion Fischell-The Jerusalem Post <https://www.jpost.com/International/The-Jewish-master-of-Arabic-388614>. 25 Jun 2019.

⁶⁴Marion Fischell-The Jerusalem Post <https://www.jpost.com/International/The-Jewish-master-of-Arabic-388614>. 25 Jun 2019.

⁶⁵ *Ibid.*

⁶⁶ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books., hal. 11.

⁶⁷ *Ibid.*, hal. 11.

⁶⁸ *Ibid.*, hal. 12.

yang telah diturunkan dahulu daripadanya, dan Ia juga yang menurunkan Kitab-kitab Taurat dan Injil.”.

(Surah Ali Imran:3)

Versi N.J Dawood : “*He has revealed to you the Book with the Truth, confirming that which preceded it; for He had already revealed the Torah and the Gospel.*”

Versi John Medows Rodwell : “*In truth hath He sent down to thee "the Book," which confirmeth those which precede it: For He had sent down the Law, and the Evangel aforetime*”.⁶⁹

Perhatikan perbezaan di antara kedua-dua versi terjemahan ini, didapati terjemahan N.J Dawood meraikan menggunakan tatabahasa dan lenggok bahasa moden jikan dibandingkan dengan gaya terjemahan yang dilakukan oleh John Medows Rodwell.

Selain dari itu, penggunaan bahasa Inggeris yang digunakan dapat dipastikan ketepatannya selain mengekalkan ciri-ciri asal bahasa terbabit.⁷⁰

Sebagai usaha memastikan kualiti bahasa dikekalkan, N.J Dawood menyatakan bahawa beliau melakukan beberapa perubahan asas dalam penterjemahannya merangkumi kalimat-kalimat tertentu seperti kalimat “*Allah*” digantikan dengan kalimah “*Tuhan*” (*God*), frasa “*Tuhan Penciptaan*” digantikan dengan frasa “*Tuhan alam semesta*” dan istilah zakat diubah daripada makna “*Alms Tax*” kepada perkataan “*Alms Levy*”.⁷¹ Dan kalimah dan ungkapan tersebut telah digunakan oleh N.J. Dawood sejak daripada edisi pertama iaitu edisi 1956.⁷² Justifikasi pengarang dalam hal ini ialah beliau cuba membawa gaya terjemahan yang paling hampir dengan keaslian dan ungkapan yang biasa digunakan oleh bahasa Inggeris.

Selain dari itu, semakan semula yang dilakukan oleh N.J Dawood ini telah menyaksikan ayat-ayat suci al-Quran disertakan sekali bersama-sama terjemahannya. Hal ini boleh dilihat dalam edisi tahun 1990.⁷³ Namun demikian kelihatannya beliau sekali lagi meninggalkan teks ayat-ayat suci al-Quran pada edisi-edisi selanjutnya seperti dalam edisi yang terakhir iaitu edisi tahun 2014.

Berdasarkan penelitian pengkaji, karya ini diulangcetak sebanyak beberapa edisi yang berbeza tahun penerbitanya. Hal ini dapat dilihat secara ringkas seperti dalam jadual di bawah:

⁶⁹ John Medows Rodwell (1909) *The Koran Translated from Arabic*. New York:E.P Dutton. hal. 336

⁷⁰*Ibid.*, hal. 12.

⁷¹ *Ibid.*

⁷² N.J Dawood (1956) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 3.

⁷³ N.J Dawood (1990) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 1.

Jadual 3.1

Edisi-Edisi Cetakan Karya The Koran.

No.	Edisi Tahun	Penerbit	Tempat Penerbit	Kenyataan
1.	1956	England Penguin Books	London	Tanpa ayat al-Quran dan edisi susunan surah gaya N.J Dawood.
2.	1959	Penguin	London	Edisi semakan semula yang pertama
3.	1966	Penguin Books	London	Edisi semakan kedua
4.	1968	Penguin	London	Edisi semakan ketiga
5.	1974	Penguin	London	Edisi semakan keempat
6.	1978	Allen Lane	London	Edisi cetakan Allen Lane yang ditampikan dengan ilustrasi
7.	1990	Penguin	London	Edisi berserta ayat al-Quran dan semakan semula kelima. Edisi ini menyaksikan beliau mengembalikan susunan surah-surah al-Quran seperti sedia kala (berdasarkan <i>Resm Uthmani</i>)
8.	1993	Penguin	London	Edisi semakan keenam
9.	1994	Penguin	London	Edisi semakan kecil yang pertama
10.	1995	Penguin	London	Edisi semakan kecil kedua berserta nota tambahan
11.	1997	Penguin	London	Edisi semakan ketujuh berserta nota tambahan
12.	1999	Penguin	London	Edisi semakan kecil ketiga
13.	2003	Penguin	London	Edisi semakan kecil keempat
14.	2006	Penguin	London	Edisi semakan kelapan
15.	2014	Penguin	London	Edisi yang terakhir.

3.1 Metodologi Rujukan Dan Sandaran Karya *The Koran*

N.J. Dawood telah menerapkan metodologi rujukan sumber yang pelbagai dalam karyanya ini. Hal ini demikian berkemungkinan latar belakang pengarang yang mampu berbahasa Arab lantas berkemahiran untuk menjadikan kitab-kitab tafsir muhtabar sebagai antara rujukan dalam karyanya ini. Oleh yang demikian, pengarang menjadikan beberapa kitab tafsir muhtabar sebagai rujukan karyanya

ini dengan justifikasi bahawa rujukan tersebut membantu beliau mengenal pasti perselisihan pandangan di kalangan ahli tafsir menerusi beberapa ayat dalam al-Quran.⁷⁴ Namun demikian, beliau tidak menyebut bahawa tujuan rujukan yang dilakukan itu cenderung kepada pihak-pihak tertentu.

Selain itu, N.J Dawood turut mengaplikasikan rujukan dengan sumber biblikal. Justeru, terdapat dua metodologi pengaplikasian sumber karya yang telah dikenal pasti oleh kajian ini, iaitu:

1. Sumber ulama Islam
2. Sumber biblikal

3.1.1 Sumber Ulama Islam

N.J Dawood ada menjelaskan bahawa beliau menggunakan beberapa rujukan dalam karya beliau ini.⁷⁵ Rujukan yang dilakukan pengarang, akan diletakkan di setiap nota kaki pada halaman karya dan dilakukan dengan ringkasan sahaja. Antara rujukan yang disebut oleh beliau ialah :

1. *Tafsir al-Kashshaf* oleh Jar Allah Abi al-Qasim Mahmud ibn ‘Umar al-Zamakhshari.
2. Karya tafsir *Anwar al-Tanzil wa Asrar al- Ta’wil* oleh Shaykh Qadi al-Qudah Nasir al-Din Abi al-Khayr ‘Abd Allah ibn ‘Umar ibn Muhammad al-Baydawi.
3. *Tafsir al-Jalalayn* oleh Shaykh Jalal al-Din al-Mahalli, Jalal al-Din al-Suyuti.

Secara ringkasnya dapat diringkaskan senarai-senarai rujukan karya-karya tafsir oleh N.J Dawood seperti berikut:

Jadual 1

Rujukan Sumber Karya-Karya Tafsir oleh N.J Dawood.

Bil.	Al-Quran	Perkara	Kitab Tafsir yang Dirujuk oleh N.J Dawood
1.	Surah al-Baqarah: 142. ⁷⁶	Mengenai pertukaran kiblat muslimin daripada <i>al-Masjid al-Aqsa</i> ke Makkah. N.J Dawood mentafsirkan “ <i>al-Masjid al-Aqsa</i> ”	Tafsir al-Baydawi. Jilid 1. ⁷⁸

⁷⁴ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. xi.

⁷⁵ N.J. Dawood (1956) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 4

⁷⁶ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 14.

⁷⁸ Al-Baydawi, Nasir al-Din Abi al-Khayr ‘Abd Allah ibn ‘Umar ibn Muhammad (1998) *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta’wil*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi. jil. 1. hal. 110.

		sebagai “ <i>Holy Temple</i> ” sama seperti pegangan agama Yahudi mengenainya. ⁷⁷	
2.	Surah al-Nahl: 47. ⁷⁹	Mengenai azab Allah SWT membinasakan golongan yang merancang melakukan kejahatan secara perlahan-lahan. N.J Dawood menegaskan bahawa penerangan ayat ini tidak jelas dan samar-samar.	Tafsir al-Baydawi. Jilid 3. ⁸⁰
3.	Surah al-Naml: 40. ⁸¹	Mengenai individu bernama Assef ben Berachia yang didakwa sebagai orang alim dalam kisah Nabi Sulaiman a.s dan Ratu Balqis. Selain daripada Assef ben Berachia, Imam al-Baydawi juga turut mencadangkan beberapa nama yang dimaksudkan dalam tersebut seperti Khidir, Sulaiman a.s dan Jibril a.s.	Tafsir al-Baydawi. Jilid 4. ⁸²
4.	Surah al-Ahzab: 26. ⁸³	Mengenai pengusiran Bani Qurayzah. Dalam nota kaki, N.J Dawood menyebut 600-900 lelaki dipancung sementara wanita dan kanak-kanak dijadikan hamba abdi.	Tafsir al-Baydawi. Jilid 4. ⁸⁴

⁷⁷ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 14.

⁷⁹ *Ibid.* hal. 179.

⁸⁰ Al-Baydawi, Nasir al-Din Abi al-Khayr ‘Abd Allah ibn ‘Umar ibn Muhammad (1998) *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta’wil*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi. jil. 3. hal. 228.

⁸¹ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 255.

⁸² Al-Baydawi, Nasir al-Din Abi al-Khayr ‘Abd Allah ibn ‘Umar ibn Muhammad (1998) *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta’wil*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi. jil. 3. hal. 161.

⁸³ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 283.

⁸⁴ Al-Baydawi, Nasir al-Din Abi al-Khayr ‘Abd Allah ibn ‘Umar ibn Muhammad (1998) *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta’wil*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi. jil. 3. hal. 161.

5.	Surah al-Saffat: 1-2. ⁸⁵	Mengenai sumpah Allah SWT ke atas hamba-hamba-Nya yang duduk di dalam satu barisan untuk mencegah kejahatan.	Tafsir al-Baydawi. Jilid 5. ⁸⁶
6.	Surah al-Zumar: 6. ⁸⁷	Mengenai empat pasangan bintaang yang membiak menjadi banyak. Binatang-binatang yang dimaksudkan itu ialah unta, lembu, biri-biri dan kambing.	Tafsir al-Baydawi. Jilid 5. ⁸⁸ Tafsir al-Jalalayn Jilid 1. ⁸⁹ Tafsir al-Kashshaf. Jilid 5. ⁹⁰
7.	Surah al-Ahqaf: 10. ⁹¹	Mengenai seorang Bani Israel iaitu 'Abd Allah ibn Salam yang mengakui kebenaran al-Quran.	Tafsir al-Baydawi. Jilid 5. ⁹² Tafsir al-Jalalayn Jilid 1. ⁹³ Tafsir al-Kashshaf. Jilid 5. ⁹⁴
8.	Surah Qaf: 12. ⁹⁵	Mengenai perselisihan pendapat mufassir tentang identiti dan tempat tinggai bagi kaum " <i>Ashab al-Ras</i> " (kaum Ras).	Tafsir al-Baydawi. Jilid 5. ⁹⁶ Tafsir al-

⁸⁵ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 301.

⁸⁶ Al-Baydawi, Nasir al-Din Abi al-Khayr 'Abd Allah ibn 'Umar ibn Muhammad (1998) *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. jil. 5. hal. 5.

⁸⁷ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 311.

⁸⁸ Al-Baydawi, Nasir al-Din Abi al-Khayr 'Abd Allah ibn 'Umar ibn Muhammad (1998) *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. jil. 5. hal. 37.

⁸⁹ Jalal al-Din al-Mahalli, Jalal al-Din al-Suyuti (t.t) Tafsir al-Jalalyn. Beirut: Dar Ibn Kathir. jil. 1. hal. 460.

⁹⁰ Al-Zamakhshari, Jar Allah Abi al-Qasim Mahmud ibn 'Umar (1998) *Al-Kashshaf*. (ed.) 'Adil Ahmad 'Abd al-Mawjud, 'Ali Muhammad al-Mu'awwid. Riyad: Dar al-'Abikan. jil.5. hal. 290.

⁹¹ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 342.

⁹² Al-Baydawi, Nasir al-Din Abi al-Khayr 'Abd Allah ibn 'Umar ibn Muhammad (1998) *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. jil. 5. hal. 112.

⁹³ Jalal al-Din al-Mahalli, Jalal al-Din al-Suyuti (t.t) Tafsir al-Jalalyn. Beirut: Dar Ibn Kathir. hal. 503.

⁹⁴ Al-Zamakhshari, Jar Allah Abi al-Qasim Mahmud ibn 'Umar (1998) *Al-Kashshaf*. (ed.) 'Adil Ahmad 'Abd al-Mawjud, 'Ali Muhammad al-Mu'awwid. Riyad: Dar al-'Abikan. jil. 5. hal. 495.

⁹⁵ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 354.

⁹⁶ Al-Baydawi, Nasir al-Din Abi al-Khayr 'Abd Allah ibn 'Umar ibn Muhammad (1998) *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. jil. 4. hal. 124-125.

			Jalalayn Jilid 1. ⁹⁷ Tafsir al-Kashshaf. Jilid 5. ⁹⁸
9.	Surah al-Taghabun: 9. ⁹⁹	Mengenai keadaan manusia dikumpulkan di padang mahsyar dan masing-masing melihat kerugian yang dilakukan suatu ketika dahulu.	Tafsir al-Baydawi. Jilid 5. ¹⁰⁰
10.	Surah al-Baqarah: 184. ¹⁰¹	Mengenai orang yang mampu berpuasa maka hendaklah ditebus dengan memberi makan orang miskin. N.J Dawood mentafsirkan ayat: (وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَ) sebagai “mereka yang mampu berpuasa (tetapi tidak melakukannya) maka hendaklah ia menebusnya dengan memberi makan orang miskin”	Tafsir al-Jalalayn Jilid 1. ¹⁰²
11.	Surah al-Baqarah: 191. ¹⁰³	Mengenai fitnah lebih dahsyat berbanding membunuh. N.J Dawood menyeleweng makna “fitnah” di sini dengan meletakkan makna “ <i>idolatry</i> ” berhala. Di sini beliau berpegang dengan idea <i>al-Jalalayn</i> mengenai berhala bagi	Tafsir al-Jalalayn Jilid 1. ¹⁰⁴

⁹⁷ Al-Mahalli, Jalal al-Din, al-Suyuti, Jalal al-Din (t.t) *Tafsir al-Jalalyn*. Beirut: Dar Ibn Kathir. hal. 518.

⁹⁸ Al-Zamakhshari, Jar Allah Abi al-Qasim Mahmud ibn ‘Umar (1998) *Al-Kashshaf*. (ed.) ‘Adil Ahmad ‘Abd al-Mawjud, ‘Ali Muhammad al-Mu‘awwid. Riyad: Dar al-‘Abikan. jil. 4. hal. 315.

⁹⁹ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 384.

¹⁰⁰ Al-Baydawi, Nasir al-Din Abi al-Khayr ‘Abd Allah ibn ‘Umar ibn Muhammad (1998) *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta’wil*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi. jil. 4. hal. 218.

¹⁰¹ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books.. hal. 18.

¹⁰² Al-Mahalli, Jalal al-Din, al-Suyuti, Jalal al-Din (t.t) *Tafsir al-Jalalyn*. Beirut: Dar Ibn Kathir. hal. 28.

¹⁰³ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 19.

¹⁰⁴ Al-Mahalli, Jalal al-Din, al-Suyuti, Jalal al-Din (t.t) *Tafsir al-Jalalyn*. Beirut: Dar Ibn Kathir. hal. 30.

		maksud ayat tersebut berbanding dengan idea ahli tafsir yang lain.	
12.	Surah Ibrahim: 9. ¹⁰⁵	Mengenai keadaan orang tidak beriman yang meletakkan tangan mereka ke dalam mulut enggan menerima kebenaran.	Tafsir al-Jalalayn Jilid 1. ¹⁰⁶
13.	Surah al-Hijr: 93. ¹⁰⁷	Mengenai golongan yang menerima sebahagian daripada al-Quran dan menolak sebahagian yang lain.	Tafsir al-Jalalayn Jilid 1. ¹⁰⁸
14.	Surah al-Mu'minun: 17. ¹⁰⁹	Mengenai Allah SWT mencipta tujuh petala langit sebagai jalan yang dilalui para malaikat.	Tafsir al-Jalalayn Jilid 1. ¹¹⁰
15.	Surah al-Ankabut: 26. ¹¹¹	Mengenai Nabi Lut a.s mengikuti dan mencontohi Nabi Ibrahim a.s.	Tafsir al-Jalalayn Jilid 1. ¹¹²
16.	Surah al-Saba': 49. ¹¹³	Mengenai kebenaran Islam itu tidak ditewaskan oleh kebatilan.	Tafsir al-Jalalayn Jilid 1. ¹¹⁴
17.	Surah al-Saba': 51. ¹¹⁵	Mengenai keadaan orang yang tidak beriman diselubungi	Tafsir al-Jalalayn Jilid 1. ¹¹⁶

¹⁰⁵ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 169.

¹⁰⁶ Al-Mahalli, Jalal al-Din, al-Suyuti, Jalal al-Din (t.t) *Tafsir al-Jalalayn*. Beirut: Dar Ibn Kathir. hal. 256.

¹⁰⁷ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 175.

¹⁰⁸ Al-Mahalli, Jalal al-Din, al-Suyuti, Jalal al-Din (t.t) *Tafsir al-Jalalayn*. Beirut: Dar Ibn Kathir. hal. 256.

¹⁰⁹ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 229.

¹¹⁰ Al-Mahalli, Jalal al-Din, al-Suyuti, Jalal al-Din (t.t) *Tafsir al-Jalalayn*. Beirut: Dar Ibn Kathir. hal. 342.

¹¹¹ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 268.

¹¹² Al-Mahalli, Jalal al-Din, al-Suyuti, Jalal al-Din (t.t) *Tafsir al-Jalalayn*. Beirut: Dar Ibn Kathir. hal. 399.

¹¹³ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 268.

¹¹⁴ Al-Mahalli, Jalal al-Din, al-Suyuti, Jalal al-Din (t.t) *Tafsir al-Jalalayn*. Beirut: Dar Ibn Kathir. hal. 434.

¹¹⁵ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 268.

¹¹⁶ Al-Mahalli, Jalal al-Din, al-Suyuti, Jalal al-Din (t.t) *Tafsir al-Jalalayn*. Beirut: Dar Ibn Kathir. hal. 434.

ketakutan dan ditarik masuk ke dalam kubur.

3.1.2 Sumber Biblikal

N.J Dawood mendakwa bahawa Nabi Muhammad s.a.w telah dipengaruhi oleh ajaran-ajaran yang dibawa oleh agama Yahudi dan Nasrani.¹¹⁷ N.J. Dawood dalam kenyataan di bahagian mukadimah menegaskan bahawa baginda s.a.w mendapat didikan dan pengaruh daripada tokoh-tokoh agama Yahudi dan Nasrani.¹¹⁸ Pengarang melontarkan dakwaan ini secara ringkas tanpa menjelaskan lebih terperinci mengenainya cuma beliau mendakwa bahawa Nabi Muhammad s.a.w terpegun dengan ajaran moniteistik Yahudi dan Nasrani yang kemudiannya bertindak bermeditasi bersendirian.¹¹⁹

Kajian ini mendapati N.J Dawood merujuk sumber biblikal sebanyak 37 kali secara konsisten daripada edisi terawal beliau edisi 1956. Maka, kajian ini membentangkan perincian senarai aplikasi sumber biblikal yang dilakukan oleh N.J Dawood. Ia dapat dilihat seperti jadual di bawah:

Jadual 2

Rujukan Sumber Biblikal oleh N.J Dawood.

Bil	Al-Quran	Kenyataan	Sumber Biblikal yang Dipetik N.J Dawood
1.	Surah al-Baqarah: 55 ¹²⁰	Kisah Bani Israel yang ingin melihat Allah SWT secara langsung.	Exodus 19: 21 ¹²¹
2.	Surah al-Baqarah: 57 ¹²²	Kalimah ‘ <i>Salwa</i> ’ ialah burung puyuh seperti rujukan <i>Bible</i> .	Exodus fasal 16 ¹²³
3.	Surah al-Baqarah: 61 ¹²⁴	Perihal bawang putih.	Numbers 11: 8 ¹²⁵

¹¹⁷Mohammad Khalifa (1983) *The Sublime Qur'an And Orientalism*, London : Longman. hal. 13.

¹¹⁸N. J. Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 9.

¹¹⁹*Ibid.*, hal. 9

¹²⁰*Ibid.*, hal. 5

¹²¹*Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Exodus 19: 21. hal. 84.

¹²²N.J. Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 5.

¹²³*Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Exodus 16. hal. 80-81.

¹²⁴N.J. Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 5.

¹²⁵*Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Number 11: 8 hal. 168.

4.	Surah al-Baqarah: 64 ¹²⁶	Mengenai pacaran air yang keluar setelah dipukul oleh Nabi Musa a.s.	Numbers 20: 8 ¹²⁷
5.	Surah al-Baqarah: 173 ¹²⁸	Perihal pengharaman makanan seperti babi, darah dan bangkai.	Leviticus 11: 7, ¹²⁹ 17: 10-12 ¹³⁰ dan 17: 15. ¹³¹
6.	Surah al-Baqarah: 249. ¹³²	Perihal kemarahan Nabi Musa a.s.	Exodus 32: 20. ¹³³
7.	Surah al-Baqarah: 251. ¹³⁴	Perihal kisah Nabi Daud a.s membunuh Jalut. Tetapi dalam <i>Bible</i> tidak meyebut baginda yang membunuh Jalut.	Judges: 7. ¹³⁵
8.	Surah Ali 'Imran: 35. ¹³⁶	N.J. Dawood menyebut 'Imran dalam dalam ayat ini sebenarnya ialah Amram ayah Nabi Musa dan Nabi Harun a.s.	Exodus: 6: 20. ¹³⁷
9.	Surah Ali 'Imran: 42 ¹³⁸	Perihal kedatangan Jibril memberi khabar gembira mengenai kelahiran Nabi Isa a.s.	Luke 1: 26-38. ¹³⁹

¹²⁶ N.J. Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 5.

¹²⁷ *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Number 20: 8. hal. 80-81.

¹²⁸ N.J. Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 16.

¹²⁹ *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Leviticus: 11: 7. hal. 125

¹³⁰ *Ibid.* Leviticus 17: 10-12. hal. 136.

¹³¹ *Ibid.* Leviticus 17: 15. hal. 136.

¹³² N.J. Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 9.

¹³³ *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Exodus 32: 20. hal. 77

¹³⁴ *Ibid.* hal. 16.

¹³⁵ *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Judges: 7 hal. 288-289.

¹³⁶ N.J. Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 16.

¹³⁷ *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Exodus: 6: 20. hal. 68.

¹³⁸ N.J. Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 36.

¹³⁹ *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Luke 1: 26-38. hal. 1056.

10.	Surah Ali 'Imran: 183. ¹⁴⁰	N.J. Dawood berpendapat ayat ini merujuk kepada kisah Nabi Ilyasa' dengan seorang pendeta (sami) berhala Baal.	1 Kings 18: 17-46. ¹⁴¹
11.	Surah al-Nisa': 23 ¹⁴²	Perihal hukum perkahwinan dan mahram.	Leviticus 18. ¹⁴³
12.	Surah al-Nisa: 125. ¹⁴⁴	Allah menjadikan Nabi Ibrahim a.s sebagai " <i>Khalil</i> " (terjemahan N.J Dawood sebagai " <i>friend</i> ")	Isaiah 41: 8 ¹⁴⁵
13.	Surah al-Maidah: 23. ¹⁴⁶	Mengenai dua orang yang bertaqwa menyeru agar Bani Israel masuk ke Jerusalem. Menurut <i>Bible</i> orang yang dimaksudkan ialah Joshua ibn Nun dan Caleb. ¹⁴⁷	Number 14: 6. ¹⁴⁸
14.	Surah al-An'am: 146. ¹⁴⁹	Mengenai makanan yang diharamkan ke atas Yahudi.	Leviticus 11. ¹⁵⁰
15.	Surah al-'Araf: 40. ¹⁵¹	Mengenai perumpamaan orang yang derhaka tidak akan masuk ke syurga laksana seekor unta gagal memasuki lubang jarum.	Matthew 19:24, ¹⁵² Mark

¹⁴⁰ N.J. Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 48.

¹⁴¹ *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Luke 1: 26-38. hal. 414-415.

¹⁴² N.J. Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 53.

¹⁴³ *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Leviticus: 19. hal 136-137.

¹⁴⁴ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 63.

¹⁴⁵ *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Book of Isaiah 41: 8. hal. 761.

¹⁴⁶ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 71.

¹⁴⁷ *Ibid*.

¹⁴⁸ *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Book of Numbers 14: 6. hal. 172.

¹⁴⁹ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 96.

¹⁵⁰ *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Book of Leviticus 11. hal. 125-126.

¹⁵¹ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 101.

¹⁵² *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Matthews 19: 24. hal. 1014.

			10: 25 ¹⁵³ dan Luke 18: 25. ¹⁵⁴
16.	Surah al-‘Araf: 117. ¹⁵⁵	Mengenai Nabi Musa a.s melemparkan tongkatnya dan baginda menewaskan ahli sihir Mesir.	Exodus 7: 11. ¹⁵⁶
17.	Surah al-‘Araf: 128. ¹⁵⁷	Mengenai Firaun mengarahkan agar semua anak lelaki dibunuh dan bayi perempuan dibiarkan hidup.	Exodus 1: 22. ¹⁵⁸
18.	Surah al-‘Araf: 142. ¹⁵⁹	Mengenai munajat Nabi Musa a.s selama tiga puluh hari dan ditambah sepuluh hari.	Exodus 24: 18. ¹⁶⁰
19.	Surah al-‘Araf: 155. ¹⁶¹	Mengenai Nabi Musa a.s memilih tujuh puluh orang naik ke bukit dan berlaku gempa akibat kemurkaan Allah.	Exodus 24: 1 dan 9. ¹⁶²
20.	Surah al-‘Araf: 187. ¹⁶³	Mengenai ilmu hari kiamat tiada sesiapa yang mengetahui melainkan Allah SWT.	Mark 13: 32. ¹⁶⁴
21.	Surah Yunus: 5 ¹⁶⁵	Mengenai Allah SWT yang menjadikan matahari bersinar-sinar dan bulan bercahaya. Supaya	Genesis 1: 14. ¹⁶⁶

¹⁵³ *Ibid.* Mark 10: 25. hal. 1044.

¹⁵⁴ *Ibid.* Luke 18: 25. hal. 1085.

¹⁵⁵ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 107.

¹⁵⁶ *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Book of Exodus 7: 11. hal. 68.

¹⁵⁷ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 108.

¹⁵⁸ *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Book of Exodus 1: 22. hal. 62.

¹⁵⁹ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 109.

¹⁶⁰ *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Book of Exodus 24: 18. hal. 90.

¹⁶¹ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 110.

¹⁶² *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Book of Exodus 24: 1 dan 9. hal. 89-90.

¹⁶³ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 114.

¹⁶⁴ *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Mark 13: 32. hal. 1049.

¹⁶⁵ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. . hal. 136.

¹⁶⁶ *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Book of Genesis 1: 14. hal. 1.

		manusia dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa	
22.	Surah Hud: 71 ¹⁶⁷	Mengenai Sarah tertawa apabila mendengar khabar dia akan memperoleh anak.	Genesis 18:12. ¹⁶⁸
23.	Surah Hud: 78 ¹⁶⁹	Mengenai tawaran Nabi Lut a.s agar dijadikan anak-anak perempuannya sebagai ganti kepada tetamu-tetamu baginda.	Genesis 19:8. ¹⁷⁰
24.	Surah Yusuf: 4. ¹⁷¹	Mengenai mimpi Nabi Yusuf a.s bahawa sebelas bintang sujud kepadanya.	Genesis 37:9. ¹⁷²
25.	Surah Maryam: 7. ¹⁷³	Mengenai nama Nabi Yahya a.s yang tidak pernah diberikan sebelum baginda.	Luke 1: 16. ¹⁷⁴
26.	Surah al-Anbiya': 105. ¹⁷⁵	Mengenai bumi ini diwarisi kepada hamba-hamba-Nya yang soleh.	Psalms 37: 29. ¹⁷⁶
27.	Surah al-Haj: 47. ¹⁷⁷	Mengenai seribu tahun di kalangan hamba-Nya adalah bersamaan dengan satu hari di sisi-Nya.	Psalms 90: 4. ¹⁷⁸

¹⁶⁷ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 150.

¹⁶⁸ *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Book of Genesis 18: 12. hal. 17.

¹⁶⁹ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 151.

¹⁷⁰ *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Book of Genesis 19: 8. hal. 18.

¹⁷¹ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 154.

¹⁷² *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Book of Genesis 37:9. hal. 43.

¹⁷³ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. 203.

¹⁷⁴ *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Luke 1: 61. hal. 1057.

¹⁷⁵ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 222.

¹⁷⁶ *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Book of Psalm 37: 29. hal. 625.

¹⁷⁷ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 226.

¹⁷⁸ *Holy Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Book of Psalm 90: 4. hal. 655.

28. Surah al-Nur: 6-9. ¹⁷⁹	Mengenai perbandingan hukum <i>al-Li'an</i> antara ayat 6-9 Sura al-Nur dengan perkara " <i>Law concerning jealousy</i> " dalam Perjanjian Lama.	<i>Numbers</i> 5: 11-31. ¹⁸⁰
29. Surah al-Nur: 31. ¹⁸¹	Mengenai larangan Allah SWT ke atas wanita tentang menghentak kaki sehingga terserlah perhiasaan dirinya.	Isaiah 3: 16 dan 18. ¹⁸²
30. Surah al-Qasas: 6. ¹⁸³	N.J Dawood membandingkan mengenai Haman. Menurutnya Haman dalam al-Quran merupakan salah seorang menteri Firaun. Manakala dalam <i>Bible</i> Haman merupakan ketua menteri kerajaan Ahasuerus, Parsi.	Esther 3: 8. ¹⁸⁴
31. Surah al-Qasas: 76. ¹⁸⁵	Mengenai kisah penderhakaan Qarun.	<i>Numbers</i> 16 ¹⁸⁶
32. Surah al-Ankabut: 14. ¹⁸⁷	Mengenai usia Nabi Nuh a.s iaitu 950 tahun.	Genesis 9: 29. ¹⁸⁸

¹⁷⁹ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 235.

¹⁸⁰ Holy *Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Book of Numbers 5: 11-31. hal. 160.

¹⁸¹ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 237.

¹⁸² Holy *Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Book of Isaiah 3: 16 dan 18. hal. 728.

¹⁸³ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 259.

¹⁸⁴ Holy *Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Book of Esther 3: 8. hal. 570.

¹⁸⁵ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 265.

¹⁸⁶ Holy *Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Book of Numbers 16. hal. 175-177.

¹⁸⁷ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal. 267.

¹⁸⁸ Holy *Bible* (1978) New York: National Publishing Company. Book of Genesis 9: 29. hal. 10.

33.	Surah al-Saffat: 123. ¹⁸⁹	Mengenai Nabi Ilyas a.s.	1 Kings 18: 17-21. ¹⁹⁰
34.	Surah Sad: 18. ¹⁹¹	Mengenai gunung ganang turut bersama-sama dengan Nabi Daud a.s memuji Allah SWT.	Psalm 148: 9-10. ¹⁹²
35.	Surah al-Fath: 29. ¹⁹³	Mengenai perumpamaan Allah SWT ke atas para sahabat dalam Injil.	Mark 4: 26-29. ¹⁹⁴
36.	Surah al-Dhariyyat: 24. ¹⁹⁵	Mengenai Nabi Ibrahim a.s menerima tetamu (malaikat) di kediamannya.	Genesis 18. ¹⁹⁶
37.	Seluruh Surah al-Rahman. ¹⁹⁷	N.J Dawood mendakwa bahawa surah ini mempunyai persamaan dengan <i>Book of Psalm</i> 136.	Seluruh Psalm 136. ¹⁹⁸

4.0 Penilaian dan Kesimpulan

Berdasarkan pembentangan data-data rujukan di atas menunjukkan berlaku intergrasi di antara rujukan sumber-sumber karya-karya tafsir muktabar dan sumber biblikal. Menurut pengkaji, hal ini dilakukan oleh pengarang karya adalah sebuah cubaan pembuktian telahan dan sangkaan beliau mengenai sesuatu yang disampaikan. Dengan erti kata lain terdapat dua rumusan, pertama kemungkinan pengarang ingin mengesahkan sisi kemahiran beliau dalam sumber-sumber Arab dalam aspek tafsir al-Quran. Kedua, kemungkinan pengarang ingin menunjukkan dakwaan bahawa al-Quran sememangnya mempunyai pengaruh Yahudi dan Nasrani. Selain dari itu, kelihatanya

¹⁸⁹ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books.hal. 304.

¹⁹⁰ Holy Bible (1978) New York: National Publishing Company. Book of 1 Kings 18: 17-21. hal. 414.

¹⁹¹ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books.hal. 307.

¹⁹² Holy Bible (1978) New York: National Publishing Company. Book of Psalm 148: 9-10. hal. 684.

¹⁹³ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books.hal. 351.

¹⁹⁴ Holy Bible (1978) New York: National Publishing Company. Mark 4: 26-29. hal. 1034.

¹⁹⁵ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books.hal. 356.

¹⁹⁶ Holy Bible (1978) New York: National Publishing Company. Book of Genesis 18. hal. 17-18.

¹⁹⁷ N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books.hal. 365.

¹⁹⁸ Holy Bible (1978) New York: National Publishing Company. Book of Psalm 136: 9-10. hal. 679.

pengarang cuba menampilkan dirinya sebagai seorang yang bertoleransi kepada kedua-dua sumber tersebut.

Bagi memudahkan pembacaan, terdapat dua titik perbincangan yang boleh dikategorikan seperti di bawah:

A. Sumber karya tafsir muktabar sebagai rujukan pengarang

Sejumlah 17 kali rujukan yang dilakukan oleh pengarang dengan merujuk ahli tafsir Islam. Namun demikian, terdapat beberapa keraguan yang dipercayai cuba ditumbulkan oleh pengarang. Berdasarkan jadual 1 tersebut, terdapat tiga perihal yang dibangkitkan oleh pengarang yang dilihat janggal, iaitu seperti berikut:

I. Pengarang meletakkan istilah *al-Masjid al-Aqsa* sebagai *Holy Temple* menerusi Ayat 1 Surah al-Isra':

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي
بَارَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا ۚ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾

Terjemahan: (*"Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."*)

Pengolahan maksud ini dilihat terpesong dari maksud sebenar yang dinyatakan oleh al-Baydawi.¹⁹⁹ Jika diteliti istilah yang digunakan oleh pengarang cenderung kepada pengaruh identiti Yahudi beliau. Maka istilah yang digunakan tersebut adalah tidak relevan.

II. Mengenai ulasan pengarang mengenai angka korban akibat

peristiwa pengusiran Bani Qurayzah dalam Surah al-Ahzab ayat 26:

وَأَنْزَلَ الَّذِينَ ظَاهَرُوهُمْ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مِنْ صَيَاصِيهِمْ وَقَذَفَ فِي قُلُوبِهِمُ الرُّعْبَ فَرِيقًا تَقْتُلُونَ وَتَأْسِرُونَ فَرِيقًا ﴿٢٦﴾

Terjemahan: (*"Dan Ia menurunkan golongan Ahli Kitab (kaum Yahudi) yang membantu tentera musuh itu, dari benteng-benteng mereka (menyerah diri), setelah diisikanNya hati mereka dengan perasaan gerun. (Lalu mereka*

¹⁹⁹ Al-Baydawi, Nasir al-Din Abi al-Khayr 'Abd Allah ibn 'Umar ibn Muhammad (1998) *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. jil. 1. hal. 110.

diadili dan dijatuhkan (hukuman); sebahagian di antaranya kamu bunuh, dan sebahagian lagi kamu tawan”)

(Surah al-Ahzab: 26)

Kelihatan pengarang merujuk al-Baydawi dalam memberikan alasan mengenai angka korban tersebut.²⁰⁰ Didapati pengarang sengaja menampilkan sudut keganasan tentera Muslimin apabila pengarang kelihatan cuba menampilkan bukan saja berlaku pembunuhan besar-besaran, malah golongan kanak-kanak dan wanita turut dijadikan hamba rentetan peristiwa tersebut.

Tambahan pula, beliau juga memberikan angka korban yang dilihat kurang tepat dari aspek perbincangan intelektual. Pada hakikatnya, angka korban yang ditunjukkan itu hanya diriwayatkan oleh Ibn Ishaq dan Ibn Hisham dalam kitab Sirah mereka. Hasil penelitian para sarjana mendapati bahawa angka korban itu sengaja diada-adakan dan ianya tidak pernah disebut dalam Hadith Sahih.²⁰¹

Selain dari itu, berdasarkan penelitian ke atas tafsiran orientalis Barat seperti Richard Bell dan John Medows Rodwell didapati perbezaan yang ketara dengan ulasan yang dilakukan oleh N.J. Dawood. Bagi memudahkan perbandingan, perkara tersebut boleh dilihat seperti rajah di bawah:

N.J. Dawood	<p><i>“The Jews of Bani Qurayzah; 600-900 men were beheaded and the women and children sold into slavery”²⁰²</i></p> <p>Bermaksud: <i>Yahudi Bani Quraizah terdiri daripada 600-900 orang lelaki telah dipancung manakala wanita dan kanak-kanak dijual menjadi hamba sahaya.</i></p>
Richard Bell	John Medows Rodwell
<p><i>“The Bani Quraizah, a Jewish Tribe, outside Medina. They were Besieged immediately after the departure of the Confederates and</i></p>	<p><i>“After the siege of Medina had been raised, Muhammad made a successful expedition against the Jews of Koreidha,</i></p>

²⁰⁰ *Ibid.*, jil. 3. hal. 161.

²⁰¹ Al-Jamil, Muhammad ibn Faris (2002) *al-Nabi Salla Allahu ‘alaihi wa Salam wa Yahudi al-Madinah*. Riyad: Markaz Malik Faysal li al-Buhuth wa al-Dirasat al-Islamiyyah, hal. 246.

²⁰² N.J. Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Books. hal 283.

*surrendered after holding out for nearly a month*²⁰³ *for their treason and violation of treaties.*²⁰⁴

Bermaksud: *Bani Quraizah, sebuah suku Yahudi menetap di luar kota Madina. Suku ini telah dikepung sejurus selepas tentera Muslimin pulang dari peperang al-Ahzab. Suku ini akhirnya menyerah kalah selepas sebulan dikepung*

Bermaksud: *Setelah kepungan ke atas kota Madinah berjaya dipatahkan, Muhammad kemudiannya berjaya memerangi Yahudi Quraizah di atas pengkhianatan suku tersebut.*

Rajah 1. Perbandingan Corak Olahan Pengarang Mengenai Isu Bani Qurayzah dengan karya lain.

III. Mengenai pengolahan maksud fitnah. Pengarang dilihat menggunakan istilah “fitnah” lebih dahsyat berbanding membunuh. N.J Dawood menyeleweng makna “fitnah” di sini dengan meletakkan makna “*idolatry*” berhala.

Agak menghairankan apabila pengarang merujuk Tafsir *al-Jalalayn* ketika mengolah maksud menjadi istilah fitnah. Menariknya, Imam al-Baydawi juga ada mengulas isu ini. Ketika mengulas Surah al-Baqarah: 191, Imam al-Baydawi menyatakan bahawa fitnah dalam ayat ini bermaksud tribulasi atau ujian yang dialami seseorang akibat penindasan berterusan termasuk pengusiran daripada tanah air lebih memudaratkan berbanding membunuh.²⁰⁵ Beliau juga berpendapat bahawa ayat in juga mungkin merujuk kepada orang-orang Musyrikin Makkah yang ada tinggal kota Makkah yang sering menindas umat Islam.²⁰⁶

Namun begitu, pentafsiran ulama tafsir kontemporari berbeza di mana istilah fitnah dalam ayat tersebut merujuk kepada tekanan orang-orang kafir Quraish ke atas umat Islam sehingga membawa kepada kekufuran dan syirik adalah lebih bahaya daripada membunuh jiwa.²⁰⁷ Seperti yang pernah dilakukan oleh masyarakat tersebut sewaktu di

²⁰³ Richard Bell (1937) *The Qur'an With a Critical Re-arrangement of the Surahs*. Edinburgh T.T Clark. jil. 2, hal. 413.

²⁰⁴ John Medows Rodwell (1909) (1909) *The Koran Translated from Arabic*. New York:E.P Dutton. hal. 376.

²⁰⁵ Al-Baydawi, Nasir al-Din Abi al-Khayr ‘Abd Allah ibn ‘Umar ibn Muhammad (1998) *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta’wil*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi. jil. 1, hal. 128.

²⁰⁶ *Ibid.*

²⁰⁷ Al-Sha’rawi, Muhammad Mutawalli (1991) *Tafsir al-Sha’rawi*. Kaherah: Dar Akhbar al-Yawm. jil. 2, hal. 754.

Makkah.²⁰⁸ Pandangan ini juga dinyatakan oleh Ibn ‘Ashur dalam karya tafsirnya. Menurut Ibn ‘Ashur, makna fitnah di dalam ayat tersebut ialah “menyebabkan ketakutan” atau penindasan yang berterusan.²⁰⁹ Penindasan berterusan ini telah dilalui oleh umat Islam sewaktu di Makkah sehingga menyebabkan beberapa orang sahabat dibunuh dan disiksa supaya kembali ke agama asal mereka.²¹⁰ Tambah beliau lagi, implikasi fitnah ini lebih merbahaya berbanding membunuh berikutan kemudaratanya berterusan dan berkekalan.²¹¹

Menurut ‘Abd al-Rahman Nasir al-Sa’adi ketika mengulas Surah al-Baqarah ayat 193, fitnah di sini tidak bermaksud menumpahkan darah sebaliknya semata-mata kerana syirik. Tetapi apabila kesyirikan yang disertai dengan penindasan itu perlu diatasi dan agama Allah SWT mengatasi segala-galanya.²¹² Maka dengan ini, maksud fitnah dalam ayat-ayat tersebut jelas merujuk kepada penindasan musyrikin dan kekufuran juga syirik yang ada pada mereka mampu memudaratkan umat Islam.²¹³

Muhammad Rashid Rida pula berpandangan makna fitnah dalam isu ini bukan bermaksud syirik.²¹⁴ Kerana jika diambil *mahfum* daripada ayat 193 Surah al-Baqarah, syirik tidak dapat diatasi buat selama-lamanya.²¹⁵ Maka oleh hal yang demikian, maksud syirik dalam ayat ini memberikan maksud penindasan.²¹⁶ Kekuatan umat Islam itu sahaja yang dapat mengatasi penindasan tersebut.²¹⁷

Berdasarkan pengolahan yang dilakukan oleh N.J. Dawood kajian ini berpendapat N.J. Dawood mempunyai niat tertentu untuk dizahirkan melalui ayat-ayat ini. Hujah yang pertama ialah melalui metodologi terjemahan “*Idolatry*” berbanding dengan terjemahan Abdel

²⁰⁸ *Ibid.*

²⁰⁹ Ibn ‘Ashur, Tahir (1984) *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunis: Dar al-Tunsiyah. jil. 2, hal. 202

²¹⁰ *Ibid.*, jil. 2, hal. 203.

²¹¹ *Ibid.*, hal. 203.

²¹² Al-Sa’adi, ‘Abd al-Rahman ibn Nasir (2002) *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Manan*. Riyad: Dar al-Salam. cet. 2. jil. 2, hal. 87.

²¹³ *Ibid.*, hal. 87.

²¹⁴ Muhammad Rashid Rida (1947). *Tafsir al-Manar*, Kaherah : Dar al-Manar, jil. 9, hal. 666.

²¹⁵ *Ibid.*, hal. 666.

²¹⁶ *Ibid.*, hal. 666.

²¹⁷ *Ibid.*, hal. 666.

Haleem yang meletakkan “*persecution*”.²¹⁸ Kedua, didapati dalam edisi 1990, N.J. Dawood meletakkan ungkapan “*carnage*” berbanding “*killing*”. Kedua-dua ungkapan tersebut mempunyai makna yang berbeza. Istilah *carnage* merujuk kepada perlakuan ganas dalam membunuh atau pembunuhan berama-ramai.²¹⁹

B. Sumber biblikal sebagai rujukan pengarang

Pengarang didapati cuba menampilkan pembuktian antara al-Quran dan kitab-kitab Samawi yang lain. Kelihatan kaedah pengaplikasian sumber-sumber biblikal dilihat cenderung berpihak kepada pengaruh keagamaan Yahudi.

Percubaan N. J. Dawood untuk menggambarkan bahawa al-Quran sumber biblikal merupakan suatu yang janggal. Kajian ini melihat niat N. J. Dawood ini tidak lebih daripada mendedahkan kelemahan identiti *Bible* itu sendiri. Umumnya di kalangan para pengkaji, *Bible* bukan sebuah kitab suci tersusun rapi dalam bentuk sebuah kompilasi yang kukuh.²²⁰

Terdapat pelbagai kesamaran yang dikaitkan dengan *Bible*. Antaranya, isu siapa pengarang sebenar Kitab Tawrat (*The Pentateuch*)²²¹ masih lagi menjadi perdebatan di kalangan cendekiawan. Pada pandangan agamawan Yahudi bahawa Kitab Tawrat diakui sememangnya ditulis sendiri oleh Nabi Musa a.s berikutan baginda menjadi perantara di antara Tuhan dan manusia. Kepercayaan ini telah mendasari pandangan Yahudi dan golongan Kristian sejak berzaman-zaman.²²² Namun kepercayaan ini mula berubah pada kurun ke-tiga

²¹⁸ Muhammad A. S. Abdel Haleem (2016). *The Qur'an: A New Translation*. Oxford: Oxford University Press, hal. 47.

²¹⁹ John Sinclair, Maree Airlee *et.al.* (2015) *Collins Cobuild Advanced Dictionary of English*. Jakarta: Pustaka Utama, hal. 190.

²²⁰ John Van Seters (2006) *The Edited Bible: The Curious History of the Editor in Biblical Criticism*. Indiana: Eisenbrauns, hal. 2-3.

²²¹ Istilah Tawrat (*Torah*) kadang-kadang juga digelar sebagai *The Pentateuch*. Kitab-kitab yang digelar sebagai *Book of Moses* ini mempunyai lima buah kitab kesemuanya daripada tiga puluh Sembilan kitab-kitab yang ada dalam Perjanjian Lama iaitu *Genesis, Exodus, Leviticus, Numbers dan Deuteronomy*. Rujuk : Elizabeth M. Dowling, W. George Scarlett (2006) *Encyclopedia of Religious and Spiritual Development*. California: Sage Pub, hal. 42.

²²² Eugene H. Merrill, Mark E. Rooper, Michael A. Grisanti (2011) *The World and the Word: An Introduction to the Old Testament*. Tennessee : B&H Academic, hal. 252.

Masihi di mana nama Ezra mula dianggap sebagai pengarang kitab tersebut.²²³

Malah seorang tokoh Yahudi Eropah terkenal yang bernama Benedict Spinoza (1632-1677 M) turut menegaskan bahawa tidak mungkin idea yang dipegang bahawa Kitab Tawrat itu telah dikarang oleh Nabi Musa a.s berdasarkan pengkisahan-pengkisahan yang berlaku selepas kewafatan baginda seperti pengebumian mayatnya dan seumpamanya.²²⁴ Sebaliknya beliau berpendapat bahawa Ezra adalah tokoh yang menulis Kitab Tawrat yang wujud pada hari ini.²²⁵ Jelas di sini bahawa kedudukan dan perihal Kitab Tawrat itu dipertikaikan di kalangan cendekiawan maka sudah tentu kedudukannya sebagai kitab suci yang membawa kalimah Tuhan juga ditolak.²²⁶

Oleh hal yang demikian, melalui hujah di atas dapat diterangkan kecenderungan N. J. Dawood mengenai hubungan antara sumber biblikal, khususnya kitab Perjanjian Lama, dengan al-Quran dari sudut pandangan keadaan kehidupan Bani Israel serta kitab suci mereka suatu ketika dahulu adalah tidak relevan dan tertolak. Kajian ini berpendapat bahawa N.J Dawood seharusnya mengambil peluang kemahiran berbahasa Arab yang dimilikinya untuk mempromosikan keharmonian di antara agama Samawi berbanding mengulang skrip lama para orientalis Barat yang melontarkan gambaran yang tidak benar mengenai al-Quran.

RUJUKAN:

Al-Baydawi, Nasir al-Din Abi al-Khayr ‘Abd Allah ibn ‘Umar ibn Muhammad. (1998). *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta’wil*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

Al-Jamil, Muhammad ibn Faris. (2002). *al-Nabi Salla Allahu ‘alaihi wa Salam wa Yahudi al-Madinah*. Riyad: Markaz Malik Faysal li al-Buhuth wa al-Dirasat al-Islamiyyah.

²²³Al-Tawilah, ‘Abd al-Wahab ibn ‘Abd al-Salam (2004) *Tawrat al-Yahud wa al-Imam Ibn Hazm al-Andalusi*. Dimashq: Dar al-Qalam, hal. 70.

²²⁴ Walter E. Stuermann (1961) Benedict Spinoza : A Pioneer in Biblical Critism. *Prosiding American Academy of Jewish Research*. bil. 29, 133-179, hal. 160.

²²⁵ *Ibid.*, hal. 160.

²²⁶ Julius A Bewer (1936) The Authority of the Old Testament. *Jurnal. Journal if Religion*. Bil 16, no. 1, Januari 1936, hal. 9.

- Al-Mahalli, Jalal al-Din, al-Suyuti, Jalal al-Din (t.t) *Tafsir al-Jalalyn*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Sha'rawi, Muhammad Mutawalli. (1991). *Tafsir al-Sha'rawi*. Kaherah: Dar Akhbar al-Yawm.
- Al-Sa'adi, 'Abd al-Rahman ibn Nasir. (2002). *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Manan*. Riyad: Dar al-Salam. cet. 2.
- Al-Tawilah, 'Abd al-Wahab ibn 'Abd al-Salam. (2004). *Tawrat al-Yahud wa al-Imam Ibn Hazm al-Andalusi*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Al-Zamakhshari. Jar Allah Abi al-Qasim Mahmud ibn 'Umar. (1998). *Al-Kashshaf*. (ed.) 'Adil Ahmad 'Abd al-Mawjud, 'Ali Muhammad al-Mu'awwid. Riyad: Dar al-'Abikan.
- Bernard Lewis. (2011). *Islam in History: Ideas, People and Event in Middle East*. Illinois: Open Court.
- Coeli Fitzpatrick, Adam Hani Walker. (2014). *Muhammad in History, Thought, Culture: An Encyclopedia of the Prophet of God*. California: ABC-LIO.
- Dawood, Richard, Stradder, James, <http://www.bookbrunch.co.uk/page/free-article/n-j-dawood-arabic-scholar-and-translator-of-the-most-widely-read-koran-and-of-ads-for-toothpaste-and-baked-beans/>
- Elizabeth M. Dowling, W. George Scarlett. (2006). *Encyclopedia of Religious and Spiritual Development*. California: Sage Pub.
- Eugene H. Merrill, Mark E. Rooker, Michael A. Grisanti. (2011). *The World and the Word: An Introduction to the Old Testament*. Tennessee : B&H Academic.
- Franz Rosenthal. (1958). *The Muqaddimah*. Princeton: Princeton University Press.
- _____ (1969). *Muqaddimah: An Introduction to History*. (eds.) N.J. Dawood. Princeton: Princeton University Press
- Graham Seal. (2001). *Encyclopedia of Folk Heroes*. California: ABC Clio Pub. hal. 11-12.
- N.J Dawood. (1954). *Aladdin and other Tales*. London: Penguin Book. hal. 5.
- Hamid Naseem Rafiabadi. (2003). *World Religions and Islam: A Critical Study*. New Delhi: Sarup & Sons.
- Holy Bible*. (1978). Exodus 19: 21. New York: National Publishing Company.
- Ibn 'Ashur, Tahir. (1984). *Tafsir al-Tabrir wa al-Tanwir*. Tunis: Dar al-Tunsiyah.
- Jan Retso. (2003). *The Arabs in Antiquity: Their History from the Assyrians to the Umayyads*. New York: Routledge.
- James Kritzeck. (1964). *Peter the Venerable and Islam*. New Jersey : Princeton University Press.

- John Medows Rodwell. (1909). *The Koran Translated from Arabic*. New York: E.P Dutton.
- John Sinclair, Maree Airlee et.al. (2015). *Collins Cobuild Advanced Dictionary of English*. Jakarta: Pustaka Utama.
- John V. Tolan. (2002). *Saracens: Islam in Medieval European Imagination*. New York: Columbia University Press
- John Van Seters. (2006). *The Edited Bible: The Curious History of the Editor in Biblical Criticism*. Indiana: Eisenbrauns.
- Julius A Bewer. (1936). The Authority of the Old Testament. *Jurnal. Journal of Religion*. Bil 16, no. 1, Januari 1936.
- Lynn Tarte Ramey. (2001). *Christian, Saracen and Genre Medieval French Literature*. New York: Routledge
- Maxime Rodinson. (1974). *The Western Image and Western Studies of Islam*. t.p.
- Marion Fischell-The Jerusalem Post, <https://www.jpost.com/International/The-Jewish-master-of-Arabic-388614>. 25 Jun 2019.
- Meredith Cohen. (2010). *Difference and Identity in Francia and Medieval France*. Surrey: Ashgate
- Minou Reeves , P.J Steward. (2003). *Muhammad in Europe: A Thousand Years of Western Myth-Making*. New York: New York University Press.
- Mohammad Khalifa (1983) *The Sublime Qur'an And Orientalism*, London : Longman.
- Muhammad Rashid Rida. (1947). *Tafsir al-Manar*, Kaherah : Dar al-Manar
- Muhammad A. S. Abdel Haleem. (2016). *The Qur'an: A New Translation*. Oxford: Oxford University Press.
- Nancy Bisaha. (2004). *Creating East and West: Renaissance Humanist and the Ottoman Turk*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press
- N.J Dawood (2014) *The Koran*. London: Penguin Book.
- _____ (1954) *Aladdin and other Tales*. London: Penguin Book.
- _____ (1973). *The Tales from the Thousand and One*. London: Penguin Book.
- Richard Bell (1937) *The Qur'an With a Critical Re-arrangement of the Surahs*. Edinburgh T.T Clark
- Suzanne Conklin Akbari. (2009). *Idols in the East: European Representation of Islam and the Orient 1100-1450*. New York: Cornell University Press.
- Thomas E. Burman. (1994) *Religious Polemic and the Intellectual History of Mozarabs: C. 1050-1200*. Leiden: E.j Brill.

- The Telegraph, "N.J Dawood: Obituary",
<https://www.telegraph.co.uk/news/obituaries/11287854/NJ-Dawood-obituary.html>. 25 Jun 2019.
- Walter E. Stuermann. (1961). Benedict Spinoza : A Pioneer in Biblical Critism. *Prosiding American Academy of Jewish Research*. bil. 29, 133-179.
- William W. Kibler, Grover A. Aznin, Lawrence Earp, John B. Henneman (ed.). (1995). *Medieval France: An Encyclopedia*. New York& London: Garland Publishing.